

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[ HULU SELANGOR ]**

**SOALAN NO. 209**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah hala tuju pembangunan sosioekonomi negara pada masa sekarang dan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mencapai matlamat ekonomi negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited untuk terus menumpukan usaha kepada aspek pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat. Pada bulan Oktober yang lepas, Kerajaan telah membentangkan dasar dan hala tuju sosioekonomi yang baharu dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) bagi tempoh 2018-2020. Dasar yang diperkenalkan dalam KSP RMKe-11 ini sedang menangani beberapa isu struktur dalam ekonomi serta merencanakan pembangunan ekonomi Malaysia bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan ke arah negara maju dan inklusif. Bagi tujuan ini, lima strategi ekonomi makro telah digariskan di bawah KSP RMKe-11 seperti berikut:

- (i) Pertama, memacu produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif;
- (ii) Kedua, menggalakkan pelaburan berkualiti bagi menerajui pertumbuhan ekonomi;
- (iii) Ketiga, melaksana inisiatif untuk beralih kepada rantai nilai yang lebih tinggi dalam industri;

- (iv) Keempat, mengukuhkan eksport dan mengurus import untuk menambah baik imbalan pembayaran; dan
- (v) Kelima, memberi penekanan kepada langkah pengukuhan fiskal untuk memastikan kemampuan dalam jangka sederhana.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Keutamaan dasar dalam tahun-tahun yang akan datang adalah untuk mengimbangi objektif pengukuhan fiskal dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif. Program dan projek pembangunan berimpak tinggi akan terus dilaksanakan dengan cara yang lebih telus dan mampan dari segi kewangan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih bermakna untuk rakyat. Amalan kewangan yang tidak telus dan terurus serta ketirisan pada semua peringkat sedang ditangani. Inisiatif juga sedang dirangka bagi memanfaatkan sumber pertumbuhan baharu termasuk Revolusi Perindustrian Keempat. Di samping itu, Kerajaan menggalakkan peralihan sektor pembuatan ke arah pengeluaran produk yang bernilai tambah tinggi, pelbagai dan kompleks. Usaha bersepadu ini akan meningkatkan produktiviti dan daya saing ke arah mencapai sasaran sebagai sebuah negara maju dan inklusif.

3. Selain itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) pada 11 Februari 2019 bagi meneliti dan menangani isu berkaitan hal ehwal ekonomi dan kewangan serta kebajikan rakyat. Penubuhan EAC telah membentuk satu gabungan kepakaran daripada pelbagai pihak termasuk pemain industri yang membolehkan Kerajaan mendapat pandangan dan idea yang lebih menyeluruh dalam usaha untuk merangka dasar daripada perspektif alternatif dalam menyelesaikan isu-isu semasa rakyat. Selain itu, dasar yang akan dicadangkan oleh EAC lebih bersifat *action-oriented* dengan menyahut dan bertindak secara pantas ke atas maklum balas rakyat terhadap masalah yang mereka hadapi.

Sekian, terima kasih.